

02 SEP 1998

LARANGAN BAWA KELUAR RM, TIDAK BERI MASALAH KEPADA RAKYAT JOHOR

MUAR, 2 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman memberi jaminan peraturan melarang rakyat negara ini membawa keluar Ringgit Malaysia (RM) tidak menimbulkan masalah kepada lebih 10,000 rakyat Johor yang berkerja di Singapura.

Katanya, rakyat Johor tidak perlu bimbang dengan peraturan itu, yang diumumkan semalam oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana larangan itu hanya membabitkan mereka yang menyimpan kira-kira RM17 bilion di republik itu.

"Pekerja Malaysia tidak boleh membawa wang RM ke Singapura untuk tujuan dijual beli. Saya rasa mereka tidak ada masalah dengan peraturan ini," katanya ketika mengulas pengumuman drastik kerajaan untuk memulihkan ekonomi dan nilai RM oleh Perdana Menteri, semalam.

Abdul Ghani berkata, yang menjadi isu ialah RM yang disimpan di republik itu, berjumlah kira-kira RM17 bilion yang mana tujuannya boleh dipersoalkan.

Oleh itu, beliau menegaskan rakyat Johor yang bekerja di republik itu perlu menukarkan wang asing kepada RM sebaik sahaja mereka memasuki negara ini.

Abdul Ghani juga menyifatkan langkah kerajaan itu bertepatan pada masanya dan tindakan itu akan memastikan bahawa RM tidak akan dijadikan asas untuk kegiatan spekulator," katanya.

-- BERNAMA

SO BH RI